

17 OCT 1998

Abu-pilihan raya

BN SELANGOR YAKIN ULANGI KEJAYAAN LEPAS

TANJUNG KARANG, 17 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor yakin mampu untuk mengulangi kejayaannya dalam pilihan raya umum yang lepas.

Pengerusi BN Negeri, Datuk Abu Hassan Omar berkata jentera pilihan raya BN negeri telah bersiap sedia untuk bekerja keras bagi memastikan kecemerlangan BN diulangi pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau yakin dengan kerjasama serta sokongan semua ahli parti komponen, BN Selangor berjaya mengekalkan majoriti dengan memenangi 45 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri sebagaimana yang dicapai pada pilihan raya yang lepas.

"Kita yakin akan terus diberi mandat untuk memerintah dan untuk itu kita mesti kerja keras," katanya dalam sidang berita selepas menyempurnakan upacara pecah tanah Pusat Desa Kampung Sungai Gulang-gulang, kira-kira 20km dari sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa BN akan terus membentuk kerajaan di Malaysia, walaupun majoriti besar yang dinikmati sekarang mungkin tidak berulang dalam pilihan raya akan datang.

Abu Hassan berkata Perdana Menteri mungkin berfikir secara realistik dengan mengambil kira keadaan kegawatan ekonomi serta kestabilan politik negara semasa membuat kenyataan itu.

"Bagaimanapun, apa yang pasti adalah ia merupakan satu seruan serta suntikan semangat bagi memastikan bahawa kita tidak "over confident" pada pilihan raya akan datang," katanya.

Sementara itu Abu Hassan berkata tiga daripada 12 anggota Umno dari Selangor telah diberi tunjuk sebab mengapa mereka tidak seharusnya dipecat daripada Umno kerana terbabit dalam kegiatan judi.

Menurutnya sembilan lagi diberi surat tunjuk sebab itu berdasarkan siasatan Badan Perhubungan Umno Selangor yang mendapati mereka terbabit dalam gerakan anti-parti yang dianjurkan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata mereka harus memberi jawapan kepada surat tunjuk sebab itu untuk membuktikan bahawa mereka tidak bersalah atas pelbagai tuduhan yang dikenakan.

"Sudah pasti tiada siapa yang akan mengaku salah bagi setiap perbuatannya," katanya ketika menjawab satu soalan.

-- BERNAMA

AZH oba